

Hong Leong Credit Card Upgrade Invitation Program Terms & Conditions

1. The Hong Leong Credit Card Upgrade Invitation Program (“Program”) commences on 14 January 2016 and ends on 31 December 2016, both dates inclusive, unless notified otherwise.

Eligibility

2. The Program is open to selected existing principal Cardholders who are issued a new pre-embossed upgrade principal credit card and supplementary credit cards (if any) to replace the existing credit card(s) (“Cardholders”).

Program Mechanics

3. Hong Leong Bank (“Bank”) will send the pre-embossed upgrade principal credit card together with the supplementary credit card(s) (if any) (“Upgrade Card”) to the Cardholders’ mailing address by way of direct mailer.
4. The Upgrade Card carries the same credit limit as the existing credit card(s).
5. Cardholders can continue to use his/her existing credit card(s) unless he/she activates the Upgrade Card.
6. To accept the Upgrade Card, the Cardholders must activate the Upgrade Card by the offer expiry date as stated in the direct mailer, failing which the Upgrade Card shall be cancelled by the Bank.
7. Upon activation of the Upgrade Card by the Cardholders, the Bank will:
 - a) Auto-activate the pre-embossed upgrade supplementary credit cards (if any),
 - b) Terminate the existing principal credit card and supplementary credit cards (if any) immediately,
 - c) Auto-transfer all the total outstanding balances, rewards points, earned cash rebate where applicable in the existing principal and supplementary credit cards to the Upgrade Card,
 - d) Auto-transfer existing standing instructions (SI) for credit card payments tagged to the Cardholders’ Hong Leong Current or Savings Account (CASA) to the Upgrade Card.
8. The Upgrade Card carries a different card number from the existing credit cards; therefore Cardholders are required to personally liaise with the auto-pay merchants (if any) to transfer any direct debit (auto-pay) facilities to the Upgrade Card to avoid any payment disruption.
9. After successfully activated the Upgrade Card, the Cardholders should destroy the existing credit card(s) by cutting the existing credit card(s) into two (2) across the magnetic strip and microchip.

General

10. By participating in this Program, the Cardholders:
 - (a) agree to be bound by the terms and conditions herein;
 - (b) agree to access the Bank’s website at www.hlb.com.my (“Bank’s Website”) at regular time intervals to view the terms and conditions of the Program and to ensure that they keep-up-to-date with any changes or variations to the terms and conditions herein; and
 - (c) are liable and shall personally bear all applicable taxes, government fees or any other charges that may be levied against them under applicable laws, if any, in relation to participating in the Program.
11. Bank reserves the right to add, delete, suspend or amend the terms and conditions of this Program, wholly or in part and reserves the right to terminate this Program at its absolute discretion, by way of posting on Bank’s Website, or in any method which the Bank deems practical by giving prior notice to the Cardholders on such addition, deletion or amendments of the terms and conditions.
12. The terms and conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Cardholders agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.
13. In addition to the terms stipulated above, the Cardholders agree that the general terms and conditions in the Cardholders’ Agreement shall be read together with these terms and conditions as an entire agreement. Any discrepancies between these terms and conditions with the general terms and conditions contained in the Cardholders’ Agreement, the specific terms above shall prevail.

Terma & Syarat Program Jemputan Naik Taraf Kad Kredit Hong Leong

1. Program Jemputan Naik Taraf Kad Kredit Hong Leong ("Program") bermula pada 14 Januari 2016 dan tamat pada 31 Disember 2016, termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Kelayakan

2. Program ini terbuka kepada Pemegang Kad utama sedia ada dipilih yang diberikan kad naik taraf pra-timbul baru untuk kad kredit utama dan kad(-kad) kredit tambahan (jika ada) untuk menggantikan kad(-kad) kredit sedia ada ("Pemegang Kad").

Kaedah Program

3. Hong Leong Bank ("Bank") akan menghantarkan kad kredit utama naik taraf pra-timbul bersama-sama dengan kad(-kad) tambahan (jika ada) ("Kad Dinaik Taraf") ke alamat surat-menyurat Pemegang Kad melalui mel langsung.
4. Kad Dinaik Taraf membawa had kredit yang sama dengan kad(-kad) sedia ada.
5. Pemegang Kad boleh terus menggunakan kad(-kad) sedia ada beliau kecuali beliau mengaktifkan Kad Dinaik Taraf.
6. Untuk menerima Kad Dinaik Taraf, Pemegang Kad mesti mengaktifkan Kad Dinaik Taraf sebelum tarikh luput tawaran seperti yang dinyatakan dalam mel langsung; jika tidak, Kad Dinaik Taraf akan dibatalkan oleh Bank.
7. Selepas pengaktifan Kad Dinaik Taraf oleh Pemegang Kad, Bank akan:
 - (a) Aktifkan kad-kad kredit tambahan naik taraf pra-timbul (jika ada) secara automatik,
 - (b) Menamatkan kad kredit utama dan kad-kad kredit tambahan sedia ada (jika ada) dengan segera,
 - (c) Memindahkan semua jumlah baki tertunggak, mata ganjaran rebat tunai diperolehi di mana berkenaan dalam kad-kad kredit utama dan tambahan ke Kad Dinaik Taraf secara automatik,
 - (d) Memindahkan arahan tetap sedia ada untuk pembayaran kad kredit yang ditandakan ke Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong Pemegang Kad ke Kad Dinaik Taraf secara automatik.
8. Kad Dinaik Taraf membawa nombor kad yang berbeza daripada kad-kad kredit sedia ada; oleh itu Pemegang Kad dikehendaki berhubung terus dengan pedagang-pedagang berkaitan (jika ada) untuk memindahkan sebarang kemudahan debit terus ke Kad Dinaik Taraf untuk mengelakkan sebarang gangguan pembayaran.
9. Selepas Kad Dinaik Taraf berjaya diaktifkan, Pemegang Kad patut memusnahkan kad(-kad) sedia ada dengan memotongkan kad(-kad) sedia ada kepada dua (2) keping merentasi jalur magnet dan mikrochip.

Am

10. Dengan menyertai Program ini, Pemegang Kad:
 - (a) bersetuju untuk mematuhi semua terma dan syarat yang terkandung di sini;
 - (b) bersetuju untuk mengakses laman web Bank di www.hlb.com.my ("Laman Web Bank") secara tetap untuk menyemak terma dan syarat, dan memastikan mereka mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat;
 - (c) bertanggungjawab dan akan secara peribadi, menanggung semua cukai, yuran kerajaan berkenaan atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, yang berhubung dengan penyertaan Program.
11. Bank berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda terma dan syarat Program ini, secara sepenuhnya atau sebahagiannya dan berhak untuk menamatkan Program ini mengikut budi bicaranya, dengan cara memaparkannya di Laman Web Bank, atau sebarang kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank sebagai praktikal dengan memberikan notis kepada Pemegang Kad mengenai penambahan, pemadaman atau pemindaan terma dan syarat tersebut.
12. Terma dan syarat yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
13. Sebagai tambahan kepada terma dan syarat di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian Pemegang Kad akan dibaca bersama terma dan syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat am yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad, terma khusus di atas akan berkuatkuasa.

Hong Leong Credit Card Upgrade Invitation Program

Frequently Asked Questions (FAQ)

1. How do I accept this upgrade offer?

To accept this offer, simply activate the upgraded card by the offer expiry date as stated in the direct mailer. You may choose to activate the new credit card via any of the following channels:

- Short Service Message (SMS): Type CDACT <space> IC No./Passport No. <space> 16-digit credit card no. and send to 33188
(E.g. CDACT 830101140808 4028141088884266)
- Call our Contact Center at 03-7626 8899
Select Preferred Language > Press 3 > Press 1 > Key in your new Hong Leong Credit Card number
- Walk in to any of our nearest Hong Leong Bank branches

2. What will happen to my existing credit card once I activate the upgraded card?

Once your upgraded card is activated, your existing credit card will be auto-terminated immediately and can no longer be used.

3. Do I need to cancel or return my existing credit card after activating the upgraded card?

No. Your existing credit card will be auto-terminated immediately upon activation of the upgraded card. As precautions to avoid any unauthorized usage of the existing credit card(s), we recommend that you destroy the existing credit card(s) by cutting the card(s) into two pieces across the magnetic strip and microchip.

4. What is the annual fee for the upgraded credit card?

The annual fee for Hong Leong Sutera Visa Platinum Credit Card is **RM424** (comprises of Annual Fee=RM400, 6% of GST=RM24) for principal card and **RM212** (comprises of Annual Fee=RM200, 6% of GST=RM12) for supplementary card.

5. I have just paid the annual fee for my existing credit card 2 months ago, will I be charged annual fee again on the upgraded card?

No, you will not be charged annual fee again as you will enjoy a one-year annual fee waiver on your upgraded card.

6. What is the credit limit of my upgraded card?

The credit limit of your upgraded card remains the same as per your existing card.

7. What will happen to my reward points in my existing credit card after the card is terminated?

Your reward points will be auto-transferred to your upgraded card upon card activation.

8. What will happen to my existing Zero Interest Installment Plan (ZIIP) / Balance Transfer Installment Plan / Call-for-Cash (CFC) / Flexi Payment Plan (FPP) on my existing credit card?

They will be auto-transferred to your upgraded card upon card activation.

9. Will the Standing Instructions (SI) for my existing credit card payments from my Hong Leong Savings or Current Account be transferred to my upgraded card?

Yes, the SI on your existing credit card will be auto-transferred to your upgraded card upon card activation.

10. What will happen to the auto-debit facilities on my existing card?

As the upgraded card is issued with a different card number, you are required to personally liaise with the merchants to inform them on the change of your credit card number to avoid any payment interruption.

11. Can I keep both the existing and upgraded card?

No. Your existing card(s) will be auto-terminated upon the activation of the upgraded card.

12. I do not want the upgraded card; do I need to cancel or return the upgraded card?

No. Please DO NOT activate the upgraded card as the upgraded card will be auto-terminated after the offer expiry date as stated in the direct mailer. We recommend that you destroy the upgraded credit card(s) by cutting the card into two pieces across the magnetic strip and microchip.

13. What will happen to my existing credit card if I do not activate the upgraded card by the offer expiry date?

You may continue using your existing credit card as usual until 31 December 2016 or till the card expiry date, whichever is earlier. You will also receive a new Pin & Pay card (same card number as per your existing credit card) before 1 January 2017 or your existing card expiry date, whichever is earlier, to replace your existing card. This is due to the regulation of Bank Negara Malaysia where all credit cards in the market must be in PIN & PAY form effective 1 January 2017.

Program Jemputan Naik Taraf Kad Kredit Hong Leong

Soalan Lazim Yang Ditanya

1. Bagaimanakah saya menerima tawaran ini?

Untuk menerima tawaran ini, cuma mengaktifkan kad dinaik taraf sebelum tarikh luput tawaran seperti yang dinyatakan dalam mel langsung.

Anda boleh memilih untuk mengaktifkan kad kredit baru melalui mana-mana cara berikut:

- Servis Pesanan Ringkas (SMS): Taip CDACT <jarak> No. KP/No. Pasport <jarak> 16-digit no. kad kredit dan hantar ke 33188
(Contoh: CDACT 830101140808 4028141088884266)
- Hubungi Pusat Hubungan kami di 03-7626 8899
Pilih Bahasa > Tekan 3 > Tekan 1 > Masukkan nombor Kad Kredit Hong Leong baru anda
- Kunjungi mana-mana cawangan Hong Leong Bank kami yang terdekat

2. Apa yang akan terjadi kepada kad sedia ada saya selepas saya mengaktifkan kad dinaik taraf?

Sebaik sahaja kad dinaik taraf anda diaktifkan, kad sedia ada anda akan ditamatkan dengan serta-merta secara automatik dan tidak boleh digunakan lagi.

3. Perlukah saya membatalkan atau memulangkan kad sedia ada saya selepas mengaktifkan kad dinaik taraf?

Tidak perlu. Kad kredit sedia ada anda akan ditamatkan secara automatik dengan serta-merta selepas pengaktifan kad dinaik taraf. Sebagai langkah pencegahan untuk mengelakkan sebarang penggunaan kad(-kad) kredit sedia ada tanpa kebenaran, kami mencadangkan anda memusnahkan kad(-kad) sedia ada dengan memotongkan kad(-kad) sedia ada kepada dua keping merentasi jalur magnet dan mikrochip.

4. Apakah yuran tahunan untuk kad kredit dinaik taraf?

Yuran tahunan untuk Kad Kredit Hong Leong Sutera Visa Platinum adalah RM424 (mengandungi Yuran Tahunan=RM400, 6% GST=RM24) untuk kad utama dan RM212 (mengandungi Yuran Tahunan=RM200, 6% GST=RM12) untuk kad tambahan.

5. Saya baru sahaja membayar yuran tahunan 2 bulan lepas untuk kad sedia ada saya, adakah saya akan dikenakan yuran tahunan lagi ke atas kad dinaik taraf?

Anda tidak akan dikenakan yuran tahunan lagi kerana anda akan menikmati pengecualian yuran tahunan untuk satu tahun ke atas kad dinaik taraf anda.

6. Apakah had kredit kad dinaik taraf saya?

Had kredit kad dinaik taraf anda kekal seperti kad sedia ada anda.

7. Apa yang akan terjadi kepada mata ganjaran saya dalam kad kredit sedia ada saya selepas kad ditamatkan?

Mata ganjaran anda akan dipindahkan ke kad dinaik taraf anda secara automatik selepas pengaktifan kad.

8. Apa yang akan terjadi kepada Pelan Pembayaran Ansuran Tanpa Faedah (ZIIP) / Pelan Ansuran Pindahan Baki / "Panggilan-untuk-Tunai" / Pelan Bayaran Flexi sedia ada di kad sedia ada saya?

Mereka akan dipindahkan ke kad dinaik taraf anda secara automatik selepas pengaktifan kad.

9. Adakah Arahan Tetap untuk bayaran kad kredit sedia ada saya dari Akaun Simpanan atau Semasa saya akan dipindahkan ke kad dinaik taraf saya?

Ya, Arahan Tetap di kad kredit sedia ada anda akan dipindahkan ke kad dinaik taraf anda secara automatik selepas pengaktifan kad.

10. Apakah yang akan terjadi kepada kemudahan debit terus atas kad sedia ada saya?

Oleh sebab kad dinaik taraf anda dikeluarkan dengan kad nombor yang berbeza, anda dikehendaki berhubung dengan pedagang-pedagang berkaitan untuk memberitahu mereka tentang perubahan nombor kad kredit anda untuk mengelakkan sebarang gangguan bayaran.

11. Bolehkah saya menggunakan kedua-dua kad sedia ada dan kad dinaik taraf?

Tidak boleh. Kad(-kad) sedia ada anda akan ditamatkan secara automatik selepas pengaktifan kad dinaik taraf.

12. Saya tidak mahu kad dinaik taraf; perlukah saya menamatkan atau memulangkan kad dinaik taraf?

Tidak perlu. JANGAN aktifkan kad dinaik taraf kerana kad dinaik taraf akan ditamatkan secara automatik selepas tarikh luput tawaran seperti yang dinyatakan dalam mel langsung. Kami mencadangkan anda memusnahkan kad(-kad) dinaik taraf dengan memotongkan kad(-kad) kepada dua keping merentasi jalur magnet dan mikrochip.

13. Apa yang akan terjadi kepada kad sedia ada saya jika saya tidak mengaktifkan kad dinaik taraf sebelum tarikh luput tawaran?

Anda boleh terus menggunakan kad sedia ada anda seperti biasa sehingga 31 Disember 2016 atau sehingga tarikh luput kad, yang mana lebih awal. Anda juga akan menerima satu kad baru PIN & BAYAR (dengan nombor kad yang sama dengan kad sedia ada anda) sebelum 1 Januari 2017 atau tarikh luput kad sedia ada anda, yang mana lebih awal. Ini disebabkan oleh peraturan Bank Negara Malaysia di mana semua kad kredit dalam pasaran mesti ada di dalam bentuk PIN & BAYAR berkuat kuasa 1 Januari 2017.